

Pertaha nan lebih utama

BH 14 SEP 1984

Oleh **AHMAD PUAD ONAH**

KUALA LUMPUR, Khamis — Pega-
wai-pegawai **tentera** yang **menun-**
jukkan simpati kepada **parti-parti**
politik dengan melakukan tindakan
yang bertentangan dengan **kepen-**
tingan dan pertahanan negara **ada-**
lah pengkhianat, tegas **Datuk Seri**
Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Prdana Menteri berkata, tindakan de-
mikian tidak akan diizinkan oleh **masyara-**
kat, kerajaan dan negara.

Berucap menutup seminar guru-guru agama

wa mereka dikehendaki
bersedia mempertahankan
umat Islam di mana
sahaja mereka berada.

Datuk Seri Dr Ma-
hathir berkata, selain tu-
gas menjaga dan me-
mimpin dalam soal amal
ibadat, guru-guru agama
perlu memberi penjela-
san mengenai tang-
gungjawab terhadap per-
tahanan negara dan
agama.

Menurutnya, Malaysia
sangat bertuah kerana
rakyatnya diberi kebeb-
asan melakukan ibadat.

"Tetapi, kebebasan itu
perlu dilindungi dan
dipertahankan daripada
ancaman seperti komu-
nis yang menolak adanya
Tuhan.

kanan angkatan tentera di sini, beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, sebagai pegawai kerajaan mereka tidak boleh mengambil bahagian cergas dalam parti-parti politik.

Tetapi, ujarnya, oleh kerana negara mengamalkan sistem demokrasi, kerajaan tidak menyekat mereka daripada menunjukkan simpati terhadap mana-mana parti politik, termasuk pembangkang, dengan mengundi parti itu dalam pilihan raya.

"Simpati setakat ini tidak menjadi masalah, tetapi kalau dalam menunjukkan simpati ini kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kepentingan dan pertahanan negara hingga negara ini lemah dan dikuasai oleh pihak lain, ini sudah menjadi pengkhianatan kepada negara," legasnya.

Oleh itu, pegawai-pegawai tentera hendaklah memikirkan setakat manakah simpati yang harus diberi kepada parti-parti politik.

Datuk Seri Dr Ma-

hathir juga mengesakan

tindakan akan diambil

terhadap mana-mana pi-

hak yang menghasut har-

anggota-anggota angka-

tan tentera dengan tu-

juan melmahltan perta-

hanan negara.

Beliau mendedahkan,

ada pensyarah luar yang

mendesak anggota-

anggota tentera supaya

jangan mematuhi pega-

wai-pegawai dan mensi-

fatkan perjuangan

angkatan tentera sebagai

tidak Islam kerana mere-

ka tidak bersembahyang

tepat pada waktunya ke-

tika di hutan.

Benteng

"Tujuannya ialah un-

tuk melemahkan se-

matang askar-askar kita

supaya jangan berjuang

mempertahankan nega-

ra," ujarnya.

Di negara-negara ko-

munis, terang Perdana

Menteri, orang-orang

Islam yang sudah di-

takluki oleh komunis di-

paksa meninggalkan

agama hingga yang

tinggal menganut Islam

hanya golongan tua se-

dangkan golongan muda

menolak Islam kerana

percaya bahawa Islam

penghalang kemajuan.

"Sebab itu kita ada

angkatan tentera. Ia bu-

kan sahaja untuk mem-

pertahankan sekeping ta-

nah tetapi juga mem-

pertnhankan kebebasan

beragama." tegasnya.

Perdana Menteri ber-

harap anggota-anggota

tentera tidak terpenga-

tan tentera dengan tu-

suruh dengan hasutan ha-

nggota-anggota angka-

tan itu kerana ia boleh

menyebabkan negara ini

kalah dalam perjuangan

menentang komunis.

Oleh itu, kata Datuk

Seri Dr Mahathir, guru

guru agama mempunyai

peranan yang penting

menanam-

kan semangat per-

juangan di sanubari

anggota-anggota tentera.

Katanya, kalau anggo-

ta-anggota tentera tidak

diberi dorongan, mereka

tidak akan dapat menja-

di benteng pertahanan

hadapan hingga sanggup

mengorbankan diri se-

waktu menghadapi mu-

suhan.

Sebagi guru agama

dan umat Islam beliau

yakin mereka tahu baha-